

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan kesalahan **bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1 Majlis perasmian bangunan baharu itu akan diadakan di minggu hadapan.

2 Mereka sekeluarga masih pernah tinggal di Kuala Terengganu selama dua tahun.

3 Penduduk Taman Prima saling bantu-membantu untuk menjayakan majlis rumah terbuka.

4 Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkata, Malaysia dihormati dalam kalangan negara Islam dan negara bukan Islam kerana amalan kesederhanaan dalam beragama.

5 Para-para guru perlulah tabah dalam mendidik anak bangsa.

6 Ai Ling adalah murid Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati.

7 Guni yang berisi pasir itu sangat berat hingga tidak terangkat akan Joseph.

8 Emma sungguh terkejut bila namanya dipanggil oleh ayah tirinya yang garang itu.

9 Pihak hospital akan menjalankan siasat bedah terhadap mangsa kemalangan itu.

10 Puan Anita membawa anaknya ke Izham Klinik yang terletak di hujung pekan itu.
